



# KATA SAYA

Oleh Norhayati Md Said

## Gadis tempatan kena awasi jerat sindiket dadah

**K**ATA orang, ikut hati mati, ikut rasa binasa. Bagaimanapun pepatah itu menjadi ikutan gadis cantik dan pintar yang kebanyakannya dari institusi pengajian tinggi (IPT) sepanjang tahun ini, apabila 32 gadis dan wanita ditahan di luar negara kerana menyeludup dadah kebanyakannya ke Amerika Latin, Australia, China serta Trinidad n Tobago. Mungkin juga cinta itu buta hingga kebanyakan gadis dan wanita ini tidak kisah diri diperalatkan, walaupun tahu mereka menjadi 'kurier' membawa barang terlarang. Kebanyakan mereka ini bukan saja jatuh cinta dengan lelaki berlagak kasanova warga asing ini, malah 'gelap mata' dengan wang dan kemewahan yang dijanjikan sehingga sanggup melupakan akibat daripada perbuatan itu.

Berdasarkan kepada beberapa kes sebelum ini, gadis dan wanita ini dijanjikan antara RM15,000 hingga RM20,000 jika berjaya dalam 'misi', selain pelbagai kemewahan ketika berada di luar negara. Namun, apalah jumlah sebanyak itu berbanding dengan kesukaran dialami apabila ditahan pihak berkuasa. Akhirnya apabila diberkas, tiada orang lain yang terpaksa menanggung keperitan dan malu selain keluarga. Ibu bapa di Malaysia terpaksa bersusah payah mencari wang membayar kos guaman bagi membela anak di luar negara. Buah hati mereka menghilangkan diri. Ketika mendedahkan perkara ini, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Mohd Bakri Zinin, berkata jumlah gadis dan wanita terbabit dalam jenayah itu semakin meningkat. Sasaran warga asing ini kini ialah pelajar IPT. Sebenarnya, masalah ini sangat serius yang memerlukan perhatian dan kesedaran semua pihak, terutama wanita dan gadis berikutan pihak berkuasa mengesan kewujudan trend merekrut gadis IPT sebagai penyeludup barang terlarang, sama ada dari Malaysia ke negara luar atau sebaliknya.

negara lain atau sebaliknya.

Jika jenayah ini dilaksanakan sindiket pastinya ia dilakukan dengan terancang dan yang menjadi mangsa adalah wanita dan gadis tempatan. Pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seharusnya mengambil langkah segera menangani masalah ini. Selain pihak berkuasa, mungkin ada NGO yang boleh memberi penerangan di IPT bagi memberi kesedaran kepada mereka mengenai kasanova warga asing yang sebenarnya mahu memeralatkan mereka. Selalunya dalam kes begini, ibu bapa yang menerima bahang kerana dikatakan antara punca gadis dan wanita ini terjebak. Orang akan menuinding jari kepada ibu bapa kerana tidak pandai mendidik anak. Mereka dikatakan tidak memerhati dan memantau pergerakan anak, umpamanya dengan siapa mereka berkawan atau teman lelaki anak mereka. Namun, pada zaman ini, ramai juga ibu bapa menjadi mangsa anak sendiri. Pada pandangan ibu bapa, mereka sudah mendidik anak dengan sempurna mengikut keupayaan, tetapi selepas anak memasuki IPT tanggungjawab menjaga diri diletakkan kepada bahu mereka yang kebanyakannya duduk di asrama dan masa lebih banyak di luar.

Walaupun 'berbuih' mulut ibu bapa memberi nasihat, ibarat mencurahkan air di daun keladi atau masuk telinga kiri keluar telinga kanan. Mereka langsung tidak mempedulikan nasihat ibu bapa, tambahan pula jika teman lelaki warga asing yang kacak menaburkan wang ringgit dengan pelbagai janji manis. Selain ibu bapa, NGO dan pihak berkuasa, gadis dan wanita seharusnya menggunakan kepintaran untuk menilai rakan yang dicari. Jangan dengan senang menjadikan kawan 'chatting' sebagai teman lelaki tanpa mengetahui latar belakang mereka. Jadikan kes Rozana Zubir yang terpaksa merengkok selama 13 bulan sementara menunggu perbicaraan di Pusat Tahanan Windsor, Sydney selepas ditahan di Lapangan Terbang Brisbane, Australia, ketika mahu pulang ke Kuala Lumpur atas dakwaan membawa bungkusan mengandungi resin candu yang boleh digunakan untuk membuat heroin sebagai iktibar. Rozana akhirnya dibebaskan. Tidak semua kes berakhir seperti itu. Akhirnya yang merengkok dalam penjara adalah anda yang sengaja membutakan mata dan hati untuk cepat kaya, manakala yang susah dan malu adalah keluarga. - [yatisaid@bharian.com.my](mailto:yatisaid@bharian.com.my)